

LW601
DIPLOMA LEPASAN IJAZAH SYARIAH & AMALAN
FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PENGENALAN

DLSA adalah satu program pengajian profesional kepeguaman syarie di peringkat lepasan ijazah. Program ini diwujudkan untuk menyediakan dan membolehkan peguambela dan peguamcara yang berdaftar di bawah Akta Profesion Undang- Undang 1976 untuk mengamal sebagai peguam syarie di Mahkamah Syariah.

Program ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pelajar mengenai Hukum Syarak, meningkatkan kemahiran pelajar dalam urusan kepeguaman syarie seperti penulisan, penyelidikan, penyediaan kes dan perbicaraan kes di Mahkamah Syariah. Pendekatan '*clinical training*' atau '*hands on approach*' digunakan untuk beberapa kursus seperti Perbicaraan dan Kepeguaman Syarie dan Penulisan Perundangan Syarie.

Di samping itu, program ini juga mendedahkan pelajar kepada bidang undang- undang syariah terkini seperti pentadbiran harta. Ia juga mendedahkan pelajar kepada persamaan dan perbezaan prosedur yang diamalkan di Mahkamah Awam dan Mahkamah Syariah.

SYARAT KEMASUKAN

Calon perlu memenuhi salah satu daripada syarat-syarat berikut:

- (i) Lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) LL.B (Hons) UiTM atau lulusan yang setaraf dengannya dari mana-mana universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; atau
- (ii) Lulusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Undang-Undang (Kepujian) BLS (Hons) dari UiTM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; atau
- (iii) Lulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dari mana-mana universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; atau
- (iv) Lulusan Ijazah Sarjana Muda atau setaraf dengan sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan.

SYARAT MQA UNTUK PENGIJAZAHAN

Calon perlu mendapat MUET sekurang-kurang Band 2 untuk tujuan pengijazahan.

KAEDAH DAN TEMPOH PENGAJIAN

Sepenuh Masa :

Minima: 1 tahun (2 semester)

Maksima: 2 tahun (4 semester)

KAMPUS

Program DLSA ini hanya ditawarkan di kampus Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor sahaja

YURAN PENGAJIAN*

Sepenuh masa: RM4,300 – RM4,800

* Tertakluk kepada perubahan oleh UiTM

STRUKTUR PROGRAM

Pengajian Sepenuh Masa

SEM	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
1	LAW619	Usul Fiqh	3
	LAW633	Undang-Undang Keluarga Islam	3
	LAW634	Undang-Undang Jenayah Islam	3
	LAW635	Undang-Undang Prosedur Mal	3
	LAW637	Sistem Kehakiman Islam dan Kepeguaman Syarie	3
2	LAW636	Penulisan Perundangan Syarie	3
	LAW628	Latihan Industri	2
	LAW683	Undang-undang Harta dan Perwarisan Islam	3
	LAW684	Undang-Undang Keterangan Islam	3
	LAW685	Undang-Undang Prosedur Jenayah Islam	3
	LAW686	Perbicaraan dan Kepeguaman	3

SINOPSIS KURSUS

LAW619 – USUL FIQH

Kursus ini memperkenalkan Ilmu Usul al-Fiqh (Principles of Islamic Jurisprudence) dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, khususnya perbincangan mengenai sumber-sumber hukum yang disepakati dan yang tidak disepakati oleh fuqahak, permasalahan al-nasakh, al-ta'arudh dan al-tarjih, cara-cara istinbat dan perbahasan mengenai hukum.

LAW633 – UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

Kursus ini memperkenalkan ilmu Undang-Undang Keluarga Islam berkaitan rukun, hukum pernikahan dan poligami, tanggungjawab dan peranan suami isteri serta perbincangan mengenai hak-hak pasangan, hak nafkah isteri, nafkah anak, kaedah perceraian dan kesan selepas perceraian seperti harta sepencarian, muta'h, hadhanah dan lain-lain mengikut perbincangan hukum fiqh berdasarkan pendapat mazhab terkenal serta perundangan Syariah di Malaysia dengan melihat peruntukan statut dan kes-kes yang pernah diputuskan di Mahkamah.

LAW634 – UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM

Kursus ini menghuraikan konsep Undang-Undang Jenayah Islam. Antara topik- topik yang akan dipelajari adalah klasifikasi kesalahan dan bentuk-bentuk hukuman yang ditentukan oleh Undang-Undang Islam. Di samping itu, kursus ini akan meneliti aplikasi Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia dan di negara- negara Islam yang lain.

LAW635 – UNDANG-UNDANG PROSEDUR MAL

Kursus ini memperkenalkan pelajar-pelajar kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan prosedur mal atau sivil Islam. Kursus ini merangkumi bidangkuasa Mahkamah Syariah dalam mendengar sesuatu kes, prosedur dalam pengendalian dan penyediaan kes iaitu proses sebelum perbicaraan, perbicaraan sehingga keputusan, rayuan dan pelaksanaan sesuatu penghakiman atau perintah mahkamah.

LAW636 – PENULISAN PERUNDANGAN SYARIE

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar kepentingan penggunaan bahasa Melayu laras undang-undang semasa menulis dan berkomunikasi dalam profesion kepeguaman syarie. Antara topik-topik yang dipelajari ialah penulisan surat, penulisan tuntutan/kenyataan penulisan belaan, draf soalan untuk perbicaraan sivil dan jenayah, penulisan laporan draf perjanjian, penulisan alasan penghakiman, penggulungan hujah dan lain-lain.

LAW637 – SISTEM KEHAKIMAN DAN KEPEGUAMAN SYARIE

Kursus ini memperkenalkan pelajar-pelajar kepada konsep dan prinsip-prinsip kehakiman Islam, syarat-syarat pelantikan hakim, bidang kuasa dan etika hakim, penamatan jawatan hakim serta sistem kehakiman Islam di Malaysia. Kursus ini juga membicarakan mengenai kepeguaman syarie terutamanya peranan peguam syarie berpandukan al-Quran dan al-Sunnah, profesion peguam syarie di Malaysia, Jawatankuasa Peguam Syarie, kaedah-kaedah peguam syarie, konsep wakalah, etika peguam syarie dan tindakan tatatertib ke atas peguam syarie.

LAW628 – LATIHAN INDUSTRI

Latihan industri adalah merupakan komponen kurikulum dalam program pengajian yang memberikan pelajar peluang untuk mendapatkan pengalaman praktikal, kemahiran insaniah serta sikap yang positif untuk melengkapkan mereka sebelum berdepan cabaran dunia kerjaya sebenar. Pengecualian diberikan sekiranya pernah menjalani latihan industri semasa peringkat diploma atau ijazah sarjana muda atau mempunyai pengalaman bekerja selama dua (2) tahun.

LAW683 – UNDANG-UNDANG HARTA DAN PEWARISAN ISLAM

Kursus ini adalah berkaitan dengan Undang-Undang mengenai penjanaan harta dan perwarisan pusaka dalam Islam. Antara topik yang akan dibincangkan ialah berkenaan dengan konsep harta dan kaedah pemilikannya, konsep pusaka dan prinsip-prinsip yang berkaitan dengan pengagihannya, pengiraan harta pusaka dan Undang-Undang yang berkaitan dengan pentadbiran harta pusaka umat Islam di Malaysia.

LAW684 – UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar-pelajar bentuk-bentuk, konsep dan prinsip-prinsip berkaitan dengan Undang-Undang Keterangan Islam serta bagaimana ia diaplikasikan di Mahkamah Syariah seperti Iqar, Kesaksian, Sumpah, Qarinah, 'Ilm al Qadhi, al Kitabah (Dokumentasi), Al Khibrah (Pendapat Pakar) dan lain-lainnya.

LAW685 – UNDANG-UNDANG PROSEDUR JENAYAH ISLAM

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar-pelajar kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran keadilan jenayah syariah dan peranannya yang berkaitan amalannya di Mahkamah Syariah kini, khususnya perbincangan mengenai prosedur dan tatacara yang perlu dipatuhi di dalam perbicaraan kes jenayah syariah selain perbincangan berkaitan bidangkuasa, kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang dan perbahasan mengenai permasalahan semasa di dalam pelaksanaannya.

LAW686 – PERBICARAAN DAN KEPEGUAMAN SYARIE

Kursus ini melibatkan latihan kemahiran kepeguaman. Ia meliputi latihan kemahiran penyediaan awalan seperti kemahiran menemuduga, perbincangan, menyusun perbicaraan, merancang dan mendraf surat guaman (pliding), penyediaan soalan untuk penyoalan saksi, soal-balas dan ulang-soal saksi-saksi, serta penghujahan lisan. Latihan-latihan perbicaraan juga akan membantu pelajar memperkukuhkan kefahaman terhadap peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur di Mahkamah Syariah.

PERTANYAAN

Sila hubungi Koordinator DLSA dan staf akademik untuk sebarang maklumat lanjut berkenaan Program:

DR NORAIZA ABDUL RAHMAN

Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Tel : 603-5543 5949 / 603-5544 4156

Emel: noraizarahman@uitm.edu.my

Laman sesawang: www.law.uitm.edu.my

LW601
POSTGRADUATE DIPLOMA IN SYARIAH AND PRACTICE
FACULTY OF LAW
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

INTRODUCTION

This is a professional programme designed to train those who are interested to become Syariah lawyers and practise in the Syariah Courts. Apart from providing hands-on training to students, this programme intends to expose students to several aspects of Syariah Law. It also aims to enhance their knowledge in the different procedures as practised in the Syariah Courts vis-a-vis the civil courts. Furthermore, students will be trained in matters pertaining to Syariah trial and advocacy.

ADMISSION REQUIREMENTS

Candidates must have at least one of the following qualifications

- (i) Bachelor of Laws (Hons) or any equivalent law degree from other institutions of higher learning recognised by the Government of Malaysia with a minimum CGPA of 2.00; or
- (ii) Bachelor of Legal Studies (Hons) from Universiti Teknologi MARA (UiTM) with a minimum CGPA of 2.00; or
- (iii) Bachelor of Syariah (Hons) or other equivalent Syariah Degree recognised by the Government of Malaysia with a minimum CGPA of 2.00; or
- (iv) A Bachelor degree or its equivalent with a minimum of three (3) years relevant working experience

MQA REQUIREMENT FOR GRADUATION

Candidates must achieve a minimum of Band 2 in the MUET for graduation.

MODE AND DURATION OF STUDY

Full time:

Minimum: 1 year (2 semesters)

Maximum: 2 years (4 semesters)

CAMPUS

This programme is only offered at the Shah Alam Campus of Universiti Teknologi MARA.

FEES*

Full time: RM4,300 – RM4,800

**subject to revision by UiTM*

PROGRAMME STRUCTURE

Full time mode of study

SEM	COURSE CODE	COURSE TITLE	CREDIT HOURS
1	LAW619	Islamic Jurisprudence	3
	LAW633	Islamic Family Law	3
	LAW634	Islamic Criminal Law	3
	LAW635	Mal Procedure	3
	LAW637	Islamic Judicial System and Advocacy	3
2	LAW636	Syarie Legal Writing	3
	LAW628	Industrial Training	3
	LAW683	Islamic Law of Property and Succession	3
	LAW684	Islamic Law of Evidence	3
	LAW685	Islamic Criminal Procedure	3
	LAW686	Syarie Trial and Advocacy	3

COURSE DESCRIPTION

LAW619 – ISLAMIC JURISPRUDENCE

This course looks into the principles of Islamic Jurisprudence, particularly views of Muslim jurists on the established and disputed sources of sharia, the issue of abrogation (*al-nasakh*), contradiction (*al-ta'arud*), preference (*al-tarjih*) and the order of the proofs, rules of deducing the law from its sources (*istinbat*) and the sharia itself.

LAW633 – ISLAMIC FAMILY LAW

This course deals with Islamic Family Law and its administrative problems. Among the areas of study are the family system in Islam, the fundamentals of marriage, the rights and obligations of the husband and the wife, the grounds of dissolution of the marriage, ancillary claims, custodial rights and duties concerning children and the distribution of assets.

LAW634 – ISLAM CRIMINAL LAW

Among the topics to be dealt with in this course are the classifications of offences and the punishments that exist under Islamic Law, together with the practical realities of their application in Malaysia and in other Islamic countries.

LAW635 – MAL PROCEDURE

This course discusses matters relating to civil procedure such as the jurisdiction and the power of the Syariah Court, al-Talab (claims), pre-trial process, wakalah (agency), sulh (settlement) and trials in the Syariah Court, and the final processes of civil litigation relating to judgement, order, appeal procedures and modes of execution.

LAW636 – SYARIE LEGAL WRITING

This course will expose students to the importance of Bahasa Melayu as a legal tool to write and communicate in the Syarie Legal Profession. Among the topics covered are writing official letters, letters of demand, statement of defence, draft questions for civil and criminal trial, report writing and drafting of contracts, submissions to judges and closing speech.

LAW637 – ISLAMIC JUDICIAL SYSTEM AND ADVOCACY

This course deals with the essentials of the Islamic justice system, starting with the concepts and principles of the Islamic judicial system, conditions for the appointment of a judge, his role and jurisdiction and removal of the judge in the Islamic judicial system in Malaysia. It also deals with issues concerning the syarie legal practice, particularly the obligations of a syarie lawyer according to the Quran and Sunnah, the organizational framework of the syarie lawyer in Malaysia, rules of personal and professional ethics of the syarie lawyer, the rights and duties

enshrined in the concept of legal representation, fiduciary and professional issues of a syarie lawyer-client relationship and the grounds for disciplinary action.

LAW628 – INDUSTRIAL TRAINING

Industrial training is a curriculum component in the study program that allows students to gain practical experience, soft skills and a positive attitude before facing the challenges of the real career world. Those who completed industrial training during their undergraduate studies or spent more than two (2) years working in the legal profession may be eligible for exemptions.

LAW683 – ISLAMIC LAW OF PROPERTY AND SUCCESSION

This course discusses the concepts of property, ownership and succession in Islam. Among the areas of study are the concept and classification of property, the concept of ownership, the concept of inheritance, distribution of property, the grounds of inheritance, classification of legal heirs, exceptional matters relating to distribution of property and the administration of Islamic inheritance in Malaysia.

LAW684 – ISLAMIC LAW OF EVIDENCE

This course looks into the concept and the application of Islamic Law of Evidence in the Syariah Courts in Malaysia. The evidentiary issues such as the various forms of evidence of *al-Iqrar*, *al-Shahadah*, *al-Yamin*, *al-Kitabah*, *al-Qirannah*, together with their applications in the Syariah Courts will be explored in this course.

LAW685 – ISLAMIC CRIMINAL PROCEDURE

This course introduces the various Islamic criminal procedural law devices as practised in the Syariah Courts in Malaysia. Among the topics that will be studied are concepts of criminal procedure, the basic principles of criminal procedure, pre-trial procedure, transfer of cases, trial, judgement, sentences, acquittals, convictions, appeal and revision.

LAW686 – SYARIE TRIAL AND ADVOCACY

The course involves advocacy skills. It covers the practice of preparing for trial for example interviewing skills, discussion, arranging for trial and drafting of pleadings, preparation of questions for examination of witnesses, cross-examination, re-examination of witnesses as well as mitigation.

ENQUIRIES

For more information about the programme, kindly call or email the Programme Coordinator/ the team:

DR NORAIZA ABDUL RAHMAN

Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Tel : 603-5543 5949 / 603-5544 4156

Email: noraizarahman@uitm.edu.my

Website: www.law.uitm.edu.my